

Kerajaan serba salah dedah KMM

BH 26 AUG 2001

IPOH: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengakui kerajaan serba salah untuk mendedahkan secara terperinci gerakan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) kerana terikat dengan undang-undang negara.

"Kerajaan mendapat maklumat terbaru mengenai KMM, tetapi kita menghadapi sedikit masalah mendedahkannya. Ini kerana kes ini akan dihadapkan di mahkamah. Jadi kita tidak boleh prejudis dengan membuat pengumuman mengenai gerakan itu.

"Jadi kerajaan serba salah. Kalau kita tidak terangkan kepada rakyat, rakyat tidak percaya kepada kita. Kita nak terang kepada rakyat, ada undang-undang. Undang-undang di Malaysia lebih ketat berbanding negara lain," kata Perdana Menteri di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di sini sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, semalam.

Sebelum itu, beliau merasmikan penutup

Perhimpunan Patriotik Pemimpin Pelajar Peringkat Kebangsaan 2001 yang dihadiri kira-kira 5,000 pelajar di Stadium Indera Mulia, di sini.

Beliau berkata, keadaan berbeza di negara lain, sambil memberi contoh ada sebuah negara walaupun perbicaraan kes masih berjalan, mereka boleh mendedahkan kes itu dalam media massa seperti yang berlaku terhadap kes O J Simpson.

"Ketika perbicaraan berjalan di mahkamah, perbincangan dibuat dalam akhbar. Perkara macam ini kita perlu hati-hati kerana di negara ini, kita tidak boleh berbuat demikian," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan perlu memberi penjelasan kepada rakyat berhubung KMM kerana mereka ingin mendapat gambaran sebenar gerakan itu.

"Kita perlu memberi penjelasan kepada rak-

yat kerana mereka hendak tahu apa sebenarnya KMM. Mereka tertanya-tanya, kita nak jelaskan sangat, tetapi tidak boleh," katanya.

Sehubungan itu, katanya kerajaan memutuskan akan mengumpul semua fakta mengenai gerakan itu dan sebaik tiba masa yang sesuai, pendedahan akan dilakukan.

Beliau juga kesal apabila parti pembangkang menggunakan isu itu (KMM) sebagai isu politik.

"Apa yang berlaku mereka menggunakan isu itu sebagai modal politik. Mereka menuduh kononnya KMM ini adalah sandiwara kerajaan... kerajaan bersandiwara sehingga ada polis tembak orang dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, parti pembangkang tidak bertanggungjawab sama sekali kerana menjadikan isu ini sebagai isu politik.

LIHAT MUKA 5

KMM beli senjata dari negara jiran: Dr Mahathir

DARI MUKA 1

BH 26 AUG 2001

"Kalau mereka berasa takut kerana parti mereka terbabit secara tidak langsung, mereka harus buat pendirian bahawa ini bukan dasar parti mereka.

"Ini adalah orang tertentu daripada parti mereka yang mengambil tindakan sendirian seperti anak Nik Aziz," katanya.

Mengulas laporan akhbar berhubung pasaran gelap senjata api di selatan Thailand menghadapi kekurangan bekalan secara mendadak dipercayai berpunca penyeludupan ke Malaysia, beliau berkata, kerajaan memang mengesyaki banyak senjata api diseludup dari negara jiran itu.

"Kita percaya senjata ini (yang diseludup) datang dari Siam. Kita buat macam-macam sekatan dan pemeriksaan di sempadan tetapi penyeludupan tetap berlaku," katanya.

Beliau juga mengesahkan

KMM juga ada membeli senjata yang diseludup dari negara jiran.

"KMM ada juga beli senjata. Kita tahu mereka cuba beli senjata di merata tempat," katanya sambil menambah kerajaan akan memperketatkan kawalan di sempadan bagi membanteras penyeludupan senjata api dari Thailand.

Ditanya pendedahan Universiti Utara Malaysia (UUM) mengenai kewujudan gerakan yang cuba mempengaruhi pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) supaya berjihad, termasuk dengan mengangkut senjata, untuk menubuhkan negara Islam, beliau mengakui masalah ini semakin menjadi-jadi.

"Jadi apa yang dilakukan kerajaan ialah kawal keadaan itu supaya tidak berleluasa yang boleh membahayakan keselamatan negara," katanya.